

SHAH ALAM

Siasatan menyeluruh

Bm 10/12/06

Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menubuhkan satu badan siasatan menyeluruh bagi menyiasat dakwaan ada pelajar dan pensyarah institusi itu masih mengikuti ajaran kumpulan al-Arqam yang diwartakan sesat pada 1994.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata pekeliling akan dihantar kepada setiap pengarah kampus dan ketua jabatan untuk menyiasat tuduhan itu dan memberikan laporan segera jika benar.

Sambil menafikan pembabitian pelajar dan pensyarah dalam kegiatan itu, beliau berkata, setakat ini tidak ada bukti fizikal sama ada menerusi cara berpakaian dan tingkah laku di kalangan mereka untuk dikaitkan dengan pergerakan itu.